

# Autonomi: Ramai sokong saranan Dr. M

Um - 30/10/2004: 3

**K**CHA AI RONG, Narathiwat 29 Okt. — Beberapa pemimpin masyarakat dan penduduk Islam di sini menyokong cadangan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya wilayah selatan Thailand diberi status autonomi.

Menurut mereka yang ditemui selepas solat Jumaat di sini, melalui status itu ia sudah tentu dapat memberi peluang kepada umat Islam untuk menentukan arah tuju masa depan mereka.

Seorang pemimpin agama, **Yusof Che Awang** berkata, pemerintah Thailand seharusnya menimbang cadangan yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir itu.

Katanya, pemberian autonomi sangat diharapkan oleh rakyat selatan Thailand kerana mereka mahu membentuk masa depan sendiri tanpa perlu terlalu tunduk kepada kehendak Bangkok.

"Kita tidak mahu kemerdekaan tetapi cukup dengan autonomi bagi kami mencorak kehidupan kami," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia* semalam, Dr. Mahathir mencadangkan kerajaan Thailand berunding dengan penduduk Islam termasuk menimbang kemungkinan memberi status autonomi kepada wilayah selatan Thailand.

Imam sebuah masjid di sini, **Hasbullah Moha-**



**DEMONSTRASI** membantah pembunuhan rakyat Islam di Tak Bai di hadapan kedutaan Thailand, di Kuala Lumpur, semalam.

**med** berkata, kerajaan Thailand seharusnya memberikan autonomi kepada wilayah selatan Thailand bagi membolehkan umat Islam di tiga wilayah utama iaitu Pattani, Narathiwat dan Yala menikmati kehidupan lebih baik.

Katanya, selama ini mereka dianaktirikan apabila pemerintah Thailand lebih banyak memberi tumpuan

kepada pembangunan di kawasan utara.

"Kami tidak memperoleh apa-apa selain dipandang serong sebagai masyarakat yang sering mencetuskan masalah," katanya.

Seorang pemimpin belia, **Sulaiman Hassan**, 30, berkata Dr. Mahathir telah mengemukakan satu cadangan yang berani dan bernas demi untuk menyela-

matkan masa depan umat Islam di wilayah selatan Thailand.

Katanya, selama ini umat Islam di sini sememangnya inginkan autonomi namun tidak berani menyatakan secara terbuka kerana bimbang akan menerima tekanan Bangkok.

**Idris Baharom**, 40, yang pernah bertugas di sebuah jabatan kerajaan di

sini berpendapat, umat Islam di selatan Thailand tidak pernah berhasrat menuntut kemerdekaan.

"Autonomi jalan terbaik walaupun mungkin tidak dipersetujui kerajaan Thailand tetapi jika mereka fikir itu sahaja jalan menamatkan konflik di selatan, cadangan Dr. Mahathir harus dipertimbangkan dengan serius," katanya.